

Terma Dan Syarat Promosi '*Perak Move-in Bonus*'

Syarat Kelayakan

1. Promosi '*Perak Move-in Bonus*' ("Promosi ini") terbuka kepada lima (5) projek pembangunan kediaman Perbadanan PR1MA Malaysia ("PR1MA") di Perak yang telah siap dengan Sijil Perakuan Siap dan Pematuhan / *Certificate of Completion and Compliance* (CCC).
2. Berikut adalah senarai lima (5) Projek yang terpilih untuk Promosi ini:
 - i. Residensi Falim;
 - ii. Residensi Kampung Paloh;
 - iii. Residensi Bandar Meru Raya;
 - iv. Residensi Bagan Serai;
 - v. Residensi Lumut; danselepas ini dirujuk secara kolektif sebagai ("Projek terpilih").
3. Promosi ini adalah sah bagi pembelian kediaman PR1MA di bawah Projek terpilih di mana Perjanjian Jual Beli dan Perjanjian Pinjaman Perumahan mestilah ditandatangani dan dimeterai setem **dalam tempoh 1hb Disember 2020 sehingga 30hb September 2021 berserta dengan penjelasan baki Wang Perbezaan (*Differential Sum*) kepada pihak PR1MA, jika berkenaan.**

Bagi tujuan Terma & Syarat ini, Wang Perbezaan merupakan perbezaan antara harga kediaman PR1MA dibeli dengan jumlah pinjaman yang diluluskan oleh institusi kewangan yang perlu dibayar oleh Pembeli.
4. Pembeli yang menerima tawaran Promosi ini juga diwajibkan untuk menandatangani "Surat Aku Janji" untuk '*Promosi Perak Move-in Bonus*' dan bersetuju sepenuhnya dengan terma dan syarat yang tertakluk bagi Promosi ini, di mana antaranya Terma-Terma Utama adalah:
 - i. Pembeli (atau Pembeli-pembeli) bersetuju dan berakujanji dengan PR1MA bahawa tawaran Promosi '*Perak Move-in Bonus*' iaitu sebanyak RM4,200 akan diberikan secara sekali bayar dalam bentuk Rebat ("*one-off rebate payment*") untuk digunapakai bagi pengurangan harga pembelian unit kediaman pilihan daripada Projek terpilih.
 - ii. Pembeli/ pembeli-pembeli tidak berhak untuk membuat serta tidak akan membuat sebarang tuntutan selanjutnya untuk tawaran pakej promosi '*Perak Move-in Bonus*' dan apa jua tuntutan lain terhadap PR1MA berkenaan Promosi ini.
 - iii. Adalah menjadi tanggungjawab penuh pembeli/ pembeli-pembeli untuk memastikan jumlah pembiayaan akhir berdasarkan pada harga pembelian bersih (*Net Purchase Price*) iaitu setelah semua nilai bersih diskaun, rebat, termasuk rebat / ganjaran Promosi '*Perak Move-in Bonus*' diambil kira, jika gagal, maka tidak akan ada pengembalian wang untuk sebarang lebihan pembayaran, jika ada, oleh Pihak PR1MA.
 - iv. Tidak ada tindakan undang-undang atau yang berkaitan akan diambil ke atas pihak PR1MA, pegawai-pegawai dan wakil-wakilnya, sekiranya berlaku sebarang perselisihan antara PR1MA dan Pembeli mengenai tawaran Promosi ini dan sebarang perkara yang berkaitan dengan Promosi ini; Walau apa pun yang bertentangan, tidak akan ada tindakan ganti rugi yang perlu dibayar oleh pihak PR1MA kepada pihak Pembeli untuk apa-apa kerugian atau kehilangan yang ditanggung oleh pihak Pembeli, dan pihak PR1MA juga tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang jumlah untuk

kehilangan pendapatan atau keuntungan atau simpanan, atau mana-mana ganti rugi tidak langsung, berbangkit, teladan, punitif atau khas oleh pihak Pembeli.

- v. Pembeli akan menanggung rugi pihak PR1MA sepenuhnya dari dan terhadap apa-apa fi, kos, caj, perbelanjaan, kerugian, kerosakan atau liabiliti yang pihak PR1MA mungkin tanggung akibat berlakunya sebarang kejadian ingkar Pembeli (atau Pembeli-pembeli).
- vi. Jika pihak Pembeli melanggar sebarang terma dan syarat Promosi '*Perak Move-in Bonus*', gagal menjelaskan baki Wang Perbezaan dalam masa yang telah ditetapkan oleh pihak PR1MA, atau manjadi bankrap, pihak PR1MA berhak untuk membatalkan Perjanjian Jual Beli tanpa sebarang pampasan kepada Pembeli, dan terma-terma di dalam Perjanjian Jual Beli akan terpakai dalam perkara ini.
- vii. Sekiranya berlaku penamatan jualbeli atau pembatalan Perjanjian Jual Beli oleh salah satu pihak, pihak Pembeli harus menanggung semua kos penamatan seperti kos guaman serta kos-kos lain yang berkaitan secara langsung atau tidak langsung dengan penamatan atau pembatalan tersebut, dengan erti kata lain ia termasuk, tetapi tidak terhad pada denda penamatan awal untuk pembiayaan akhir (*end-financing*). Syarat ini tertakluk kepada semua para pembeli yang mengambil pinjaman dengan bank-bank komersial, pinjaman kerajaan atau dengan pihak majikan.

Pembatalan Kelayakan

1. Pelanggan/Pembeli yang melanggar sebarang Terma dan Syarat Promosi '*Perak Move-in Bonus*', terma-terma di bawah Perjanjian Jual Beli bagi pembelian rumah PR1MA, mana-mana undang-undang dan/ atau peraturan yang berkuatkuasa akan dibatalkan kelayakan secara automatik tanpa sebarang notis dan pampasan.

Terma dan Syarat Am

1. Dengan mengambil bahagian di dalam Promosi ini, Pembeli dianggap sudah memahami dan bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat ini sepenuhnya.
2. Penyertaan Pembeli untuk Promosi ini adalah di atas risiko sendiri. pihak PR1MA, syarikat pegangan, anak syarikat, lembaga pengarah, pegawai, kakitangan, ejen, penaja dan/ atau wakilnya tidak boleh dipertanggungjawabkan atas sebarang kehilangan dan kerugian yang dialami, termasuk tetapi tidak terhad kepada kehilangan secara tidak langsung atau berbangkit, atau bagi kerugian yang dialami atau ditanggung oleh pihak Pembeli.
3. Tawaran Promosi ini tertakluk kepada semakan berkala mengikut budi bicara pihak PR1MA dan Promosi ini boleh diubah, dibatalkan, ditamatkan atau digantung oleh pihak PR1MA dari semasa ke semasa tanpa sebarang notis awal.
4. Sebarang tafsiran Terma dan Syarat Promosi ini adalah tertakluk di bawah bidangkuasa pihak PR1MA sepenuhnya dan/ atau apa-apa keputusan yang dibuat oleh pihak PR1MA berhubung dengan Promosi ini adalah muktamad.
5. Promosi ini tidak dalam apa-apa keadaan dan kaedah menjadi sebarang penambahan, variasi atau pindaan kepada Perjanjian Jual Beli di antara PR1MA dan Pembeli (atau Pembeli-Pembeli) yang membeli kediaman PR1MA.

Soalan Lazim (FAQ) Promosi '*Perak Move-in Bonus*'

1. Apakah Promosi '*Perak Move-in Bonus*' secara ringkas?

- i) Promosi '*Perak Move-in Bonus*' merupakan tawaran bonus sebanyak RM4,200, yang akan diberikan dalam bentuk rebat untuk setiap pembelian kediaman PR1MA di bawah Projek terpilih sahaja.
- ii) Tawaran ini akan diberikan secara sekali bayar dalam bentuk rebat ("*one-off rebate payment*") yang akan digunapakai untuk mengurangkan harga pembelian unit kediaman pilihan untuk projek terpilih Promosi '*Perak Move-in Bonus*' ini.

2. Pembeli bertanggungjawab penuh untuk memastikan jumlah pembiayaan akhir berdasarkan pada harga pembelian bersih (*Net Purchase Price*) iaitu setelah semua nilai bersih diskaun, rebat, termasuk rebat/ ganjaran Promosi '*Perak Move-in Bonus*' sebanyak RM4,200 yang ditawarkan diambil kira, jika gagal, maka tidak akan ada pengembalian wang untuk sebarang lebihan pembayaran, jika ada, oleh Perbadanan PR1MA Malaysia.

3. Apakah syarat kelayakan untuk Promosi '*Perak Move-in Bonus*' secara ringkas?

Promosi ini:

- i) Terpakai untuk projek-projek kediaman PR1MA di Perak yang terpilih, iaitu projek-projek kediaman yang telah siap dengan Sijil Perakuan Siap dan Pematuhan/*Certificate of Completion and Compliance (CCC)*. Lima (5) projek terpilih adalah:
 - Residensi Falim;
 - Residensi Kampung Paloh;
 - Residensi Bandar Meru Raya;
 - Residensi Bagan Serai;
 - Residensi Lumut.; danselepas ini dirujuk secara kolektif sebagai ("Projek terpilih").
- ii) Promosi ini adalah sah bagi pembelian kediaman PR1MA di bawah Projek terpilih di mana Perjanjian Jual Beli dan Perjanjian Pinjaman Perumahan mestilah ditandatangani dan dimeterai setem **dalam tempoh 1hb Disember 2020 sehingga 30hb September 2021 berserta dengan penjelasan baki Wang Perbezaan (*differential sum*) kepada pihak PR1MA, jika berkenaan.**

4. Apakah syarat kelayakan untuk memohon kediaman PR1MA?

Syarat kelayakan untuk memohon kediaman PR1MA adalah seperti berikut:

- Warganegara Malaysia
- Bujang atau berkahwin serta berumur 21 tahun dan ke atas
- Pendapatan isi rumah individu atau keluarga (suami & isteri) antara RM2,500 – RM15,000
- Kediaman yang pertama atau kedua sahaja.

4. Bolehkah saya membeli kediaman secara tunai atau dengan mengambil pembiayaan daripada institusi kewangan menerusi Promosi kempen ini?

Promosi ini terpakai untuk pembelian samada secara tunai dan atau secara pembiayaan daripada institusi kewangan.

5. Apakah lampiran yang wajib saya isi untuk menerima tawaran Promosi ‘Perak Move-in Bonus’?

Pembeli yang menerima tawaran Promosi ‘Perak Move-in Bonus’ diwajibkan untuk menandatangani “Surat Aku Janji” dan bersetuju sepenuhnya dengan terma dan syarat yang tertakluk bagi Promosi ini.

6. Apakah tindakan PR1MA sekiranya saya melanggar terma dan syarat Promosi ini?

Sekiranya pembeli yang melanggar salah satu terma dan syarat Promosi, contohnya gagal menjelaskan baki Wang Perbezaan dalam masa yang telah ditetapkan oleh pihak PR1MA, atau menjadi mufliis, pihak PR1MA berhak untuk membatalkan Perjanjian Jual Beli tanpa sebarang pampasan diberi kepada Pembeli, dan terma-terma di dalam Perjanjian Jual Beli akan terpakai dalam perkara ini.

Semua kos pembatalan akan ditanggung sepenuhnya oleh Pembeli. Pembeli juga mesti membayar pampasan kepada pihak PR1MA jika terdapatnya kos pembatalan yang timbul akibat pembatalan Perjanjian Jual Beli.

7. Siapakah yang perlu saya hubungi untuk mengetahui maklumat lebih lanjut mengenai Promosi ini?

Sila hubungi Pusat Panggilan PR1MA ditalian 03-7628 9898. Pada waktu pejabat, (9 pagi hingga 6 petang) Isnin hingga Ahad atau emel ke info@pr1ma.my atau Rakan Jualan PR1MA yang dilantik berdasarkan projek pilihan.